

Soalan No : 10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 18.5.2015

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah mekanisme pembayaran PTPTN mengikut pendapatan penghutang akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memahami keadaan peminjam-peminjam yang menghadapi masalah terhadap pembayaran balik pinjaman mereka. Oleh itu, penerima-penerima pembiayaan hendaklah sentiasa mendampingkan diri dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) supaya proses pembayaran balik boleh dikemas kini dan distruktur semula berdasarkan kepada kemampuan dan kedudukan kewangan masing-masing. Di samping itu, PTPTN juga telah memperkenalkan beberapa insentif bagi menggalakkan peminjam membuat pembayaran secara konsisten seperti pemberian rebat sebanyak 10 peratus sekiranya membayar secara berterusan selama 12 bulan sehingga 31 Disember 2015 dan menawarkan diskaun 20 peratus kepada peminjam yang membuat

penyelesaian pinjaman secara sekaligus atau *lump sum* mulai 10 Oktober 2014 sehingga 31 Mac 2015.

Untuk makluman Dewan yang mulia, di bawah salah satu inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) melalui Lonjakan Ke 5, iaitu Kemampunan Kewangan, PTPTN sedang meneliti satu model baharu yang mesra pelanggan. Di antara cadangannya termasuklah peminjam hanya perlu membayar balik pinjaman mengikut kemampuan berdasarkan peratusan tertentu daripada jumlah pendapatannya. Model baharu yang akan diperkenalkan nanti masih dalam perbincangan bersama-sama pihak berkepentingan agar apabila dilaksanakan kelak ianya tidak membebankan mana-mana pihak.

RJM01